

29/05/2003

Melayu Pulau Pinang jangan dipinggirkan

Melayu Berwawasan

TEGURAN Perdana Menteri mengenai pembangunan yang tidak seimbang di Pulau

Pinang, khususnya di bahagian pulau perlu diberi perhatian oleh semua pihak, terutama pemimpin Bumiputera negeri ini.

Isu pembangunan tidak seimbang, khususnya dari segi ekonomi bukan perkara baru di Pulau Pinang. Masalah orang Melayu yang ketinggalan di Pulau Mutiara ini berlarutan sejak sekian lama.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Pulau Pinang, minggu lalu, kecewa kerana masih ada rakyat Pulau Pinang ketinggalan meskipun negeri itu mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, walaupun banyak pembangunan pencakar langit dan

moden dibina di negeri itu, namun masih ada rakyatnya yang tinggal di rumah tidak selesa, termasuk rumah kayu yang usang.

Saya bersetuju dengan teguran Dr Mahathir itu. Memang benar, sejak sekian lama Pulau Pinang menjadi nadi perkembangan sektor pembuatan, pengangkutan, pengurusan dan pendidikan, tetapi tidak semua rakyat dapat menikmati kemakmuran itu.

Secara jujur saya berpendapat ini semua berlaku kerana kurang pembabitan

serius sesetengah pihak, khususnya Bumiputera di negeri ini.

Pemimpin peringkat akar umbi juga masih tidak bertindak secara serius bagi mengawal keadaan ini. Ini mungkin disebabkan oleh sikap kurang prihatin sesama masyarakat di mana masing-masing lebih suka menjaga periuk

nasi sendiri tanpa mempedulikan usaha untuk sama turun membantu masyarakat

yang kurang membangun.

Contohnya, premis perniagaan baru yang didirikan oleh Mara dan Perda yang sebahagiannya masih kosong. Namun, apabila ada orang yang benar-benar

berminat untuk menceburi bidang perniagaan memohon untuk menyewa premis itu, tidak berjaya. Alasannya premis itu sudah disewa.

Sebaliknya penyewa berkenaan sekadar menyewa dan tidak langsung melakukan sebarang aktiviti perniagaan di situ. Inilah di antara punca kurangnya pembabitan Bumiputera dalam bidang ini.

Mereka diberi peluang, tetapi mensia-siakannya. Itulah sikap orang kita.

Bagi yang baru hendak bermula, pastinya mengharapkan sewa premis pada kadar mampu dan kedudukan sesuai. Untuk mendapatkan premis sesuai saja, seseorang itu terpaksa menunggu sehingga penyewa yang tidak bertanggungjawab itu tidak lagi menyewa dan pihak pengurusan premis menyenaraikannya kosong.

Ini menyulitkan keadaan, di mana proses ini saja mengambil masa satu hingga dua tahun. Saya berharap pihak bertanggungjawab seperti Mara dan Perda aktif dalam memantau premis yang disewa supaya tidak disalah guna untuk mencari untung atas angin atau kosong tanpa sebarang kegiatan.

Satu lagi perkara yang ditegur oleh Dr Mahathir ketika melawat Pulau Pinang ialah keadaan sesetengah penduduk yang masih terpinggir di tengah-tengah kepesatan pembangunan negeri ini.

Kita tahu, bahawa Pulau Pinang sudah lama memahat namanya sebagai pusat pembuatan dan kemajuan industri elektronik dan mikrocip. Seajar itu, pembangunan hartanahnya di sebahagian besar di bahagian pulau begitu pesat membangun dengan semakin banyak kondominium dan bangunan pencakar langit dibina.

Namun, jika dilihat dengan lebih dekat lagi, akan terpamer kelompok rumah kayu usang dengan penduduk Melayu yang tinggal seperti pada zaman Perang Dunia Kedua dulu.

Mengikut pemerhatian Perdana Menteri, jelas bahawa kemajuan dicapai di pulau itu tidak seimbang. Sedang sebahagian penduduk menikmati perubahan dan pencapaian seajar pemodenan negeri itu, masih ada golongan kecil yang ketinggalan zaman. Lebih tepat lagi mereka ini adalah penduduk Melayu yang terpinggir dan masih dibelenggu kemiskinan.

Sebelum ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui tidak berpeluang melihat kedaifan kehidupan penduduk itu kerana biasanya dibawa dari lapangan terbang terus ke bahagian selatan yang membangun, tetapi minggu lalu berpeluang ke bahagian utara pulau berkenaan.

Kita sebenarnya perlu sedih dan kecewa dengan keadaan ini. Mengapakah begitu daifnya orang Melayu di bahagian pulau negeri ini. Mungkinkah kerana orang Melayu sendiri tidak mahu maju atau tidak diberi kesempatan untuk maju?

Adakah ini disebabkan sikap diskriminasi yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan negeri hinggakan orang Melayu terpinggir begitu jauh dalam arus pembangunan pesat Pulau Pinang?

Persoalan itu memang mudah dikemukakan, tetapi mencari dan mengetahui kebenarannya pasti sukar dan pahit untuk diterima.

Kita yakin orang Melayu Pulau Pinang juga mahu maju seperti masyarakat Melayu di negeri lain. Jika hendak dikira, memang ramai orang Melayu Pulau Pinang yang berjaya dalam pelbagai bidang.

Orang Melayu Pulau Pinang turut bersama-sama membangunkan negeri ini. Mereka juga pasti tidak mahu dipinggirkan dan ketinggalan dalam mengikuti arus kemodenan negara ini.

Jika begitu kehendak orang Melayu Pulau Pinang, pasti ada kesilapan atau perkara terlepas pandang yang menyebabkan keadaan begitu.

Perkara inilah yang perlu diteliti bagi memastikan orang Melayu Pulau Pinang, khususnya di bahagian pulau tidak dikategorikan sebagai masyarakat kelas kedua di negeri ini.

Kita janganlah memperlekehkan kemampuan orang Melayu Pulau Pinang. Jika diberi peluang dan mempunyai ruang pasti orang Melayu mampu bergerak jauh

seperti rakan sebangsa di tanah besar negeri ini.
MELAYU BERWAWASAN,
Balik Pulau, Pulau Pinang.